

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelantikan bertaraf Menteri. Nyatakan pencapaian KPI untuk setiap pelantikan tersebut secara terperinci.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 September 2021 telah bersetuju untuk meneruskan pelantikan tiga orang Duta Khas kepada Perdana Menteri ke Timur Tengah, Republik Rakyat China dan Asia Timur.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas YB Duta Khas adalah untuk memberi pandangan dan menasihati YAB Perdana Menteri dalam isu-isu berkaitan Timur Tengah, Republik Rakyat China dan Asia Timur yang meliputi perkara yang berhubung kait dengan kepentingan Malaysia di rantau tersebut. Selain itu, kerjasama turut melibatkan perkara-perkara berkaitan kepentingan ekonomi, perdagangan, pelaburan, pendidikan, misi kemanusiaan dan persamaan kebudayaan.
3. YB Duta-Duta Khas telah melaksanakan gerak kerja meneroka peluang untuk Malaysia memanfaatkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara di rantau Timur Tengah, Republik Rakyat China dan Asia Timur. Dalam hubungan ini, YB Duta-Duta Khas juga telah mengadakan perbincangan dengan YB Menteri Luar Negeri dan agensi-agensi berkaitan bagi memperkasa hubungan diplomatik dengan negara-negara di rantau tersebut.
4. Selain itu, YB Duta Khas telah mengadakan perjumpaan dan menerima kunjungan hormat Duta-Duta negara rantau berkenaan dan mendapat maklum balas langsung dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala melibatkan kerjasama ekonomi, perdagangan, pelaburan, pendidikan dan persamaan kebudayaan.
5. Hasil kerja dan laporan oleh YB Duta-Duta Khas dilaporkan terus kepada YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.